

26 OCT 2003

Kayveas-Samy Vellu/I

HANYA SAMY VELLU BERUPAYA PIMPIN MIC SEKARANG, KATA KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Belum ada pemimpin yang boleh mengetuai MIC pada masa ini kecuali Datuk Seri S. Samy Vellu, kata Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas hari ini.

"Pada pendapat saya, selain Datuk Seri Samy Vellu, saya tidak mendapati ada mana-mana orang yang dapat memimpin MIC pada masa ini.

"Jika anda memberi alasan bahawa beliau (Samy Vellu) sudah terlalu lama dalam MIC dan terlalu tua untuk memimpin dan mesti meletakkan jawatan dan menyerahkan tugas kepada Orang Nombor 2, timbalannya juga sudah tua," katanya kepada pemberita selepas menutup Perhimpunan Agung ke-50 parti itu di sini.

Kayveas yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Barisan kemajuan India Se Malaysia (IPF) Datuk M.G. Pandithan semalam yang meminta Samy Vellu melepaskan jawatan setelah berkhidmat sebagai presiden MIC selama kira-kira 20 tahun.

"Jika umur menjadi ukuran, maka Pandithan juga patut meletakkan jawatan kerana dia juga sudah tua dan sudah lama memimpin IPF, katanya.

Kayveas juga menyalahkan Pandithan kerana memecah-belahkan masyarakat India selepas keluar dari MIC dan menubuhkan partinya sendiri berikutan perbalahan dengan Samy Vellu pada tahun 1980-an.

Jika Pandithan sayangkan masyarakat kaum itu, beliau tidak sepatutnya menubuhkan parti baru.

Memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai contoh, Kayveas berkata beliau meneruskan perjuangan untuk orang Melayu walaupun telah dipecat daripada Umno.

"Beliau cintakan orang Melayu, beliau sayangkan Umno dan tidak pernah menubuhkan parti lain," katanya dan menambah Pandithan wajar mencontohi Dr Mahathir.

-- BERNAMA

VP HK TS LAT